

UTeM/SH/036/2022

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BERKALA SISTEM PENCEGAH KEBAKARAN DAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH BAGI TEMPOH 24 BULAN, DI SELURUH KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

Tarikh Sebut Harga Dipamer	30 OGOS 2022	Harga Naskah Meja	RM32.00
Tarikh Sebut Harga Dijual	30 OGOS 2022 hingga 12 SEPTEMBER 2022		
Tarikh Taklimat Lawatan Tapak	6 SEPTEMBER 2022 jam 9:30 pagi		
Tempat Taklimat Lawatan Tapak	LOBI PEJABAT PENGURUSAN PEMBANGUNAN, KAMPUS INDUK UTeM [DIGALAKKAN]		
Tarikh & Masa Sebut Harga Ditutup	13 SEPTEMBER 2022 sebelum atau pada jam 12:00 Tengah hari		

WAKTU PEMBELIAN NASKAH SEBUT HARGA UTeM:

Hari Operasi	Waktu
Isnin hingga Jumaat	Dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dilakukan.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Dalam tempoh 24 jam pada hari operasi berikutnya.

ARAHAN DAN MAKLUMAT KEPADA PEMBEKAL / KONTRAKTOR / SYARIKAT

- Sebut harga ini dipelawa kepada pembekal yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan memiliki sijil-sijil seperti berikut:
 - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, DAN**
 - SIJIL KONTRAKTOR KERJA TARAF BUMIPUTERA, DAN**
 - SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR [CIDB]:**
 - GRED: G2,**
 - KATEGORI: ME,**
 - PENGKHUSUSAN: M02 [Sistem Pencegahan dan Perlindungan Kebakaran]**
- Pembelian Naskah Sebut Harga:**
 - Penyebut Harga yang berminat dengan tawaran sebut harga ini boleh **membeli Naskah Sebut Harga secara atas talian sahaja.**
 - Penyebut Harga perlu **memastikan syarikat memiliki sijil-sijil yang dinyatakan dan kod bidang yang ditetapkan serta melampirkan bersama tawaran sebut harga ini,** penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tidak memenuhi syarat ini.
 - Penyebut Harga yang **berdaftar dan aktif dalam e-Vendor UTeM sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian naskah sebut harga ini.** Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran/sijil ke perolehan@utem.edu.my. Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan penyertaan syarikat **DIBATALKAN.**

UTeM/SH/036/2022

- d. Penyebut Harga perlu memastikan Perkara 2.b dan 2.c dipatuhi sebelum membuat pembayaran secara atas talian di link berikut: <https://epayment.utm.edu.my/perolehan/>
 - e. Dokumen Sebut Harga **akan diemelkan** kepada Penyebut Harga **setelah pembayaran diterima**.
 - f. Pihak Universiti berhak untuk **tidak mengemalikan bayaran yang telah dilakukan** sekiranya didapati **syarikat tidak memenuhi syarat yang telah dinyatakan** pada Kenyataan Sebut Harga ini.
3. Penyebut harga yang tidak menghadiri sesi taklimat sebut harga masih boleh membeli naskah sebut harga ini.
4. **Penghantaran Dokumen Tawaran Sebut Harga:**
- a. Dokumen tawaran sebut harga perlu dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy) dan perlu dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri. Penyebut Harga perlu memastikan nombor sebut harga dipaparkan pada sampul surat tersebut.
 - b. Penyebut Harga perlu memasukkan dokumen tawaran sebut harga ke dalam peti sebut harga yang betul di Kaunter Unit Perolehan, Pejabat Bendahari UTeM sebelum jam 12:00 tengahari pada hari sebut harga ditutup. Sebarang kelewatan penghantaran dokumen tidak akan dilayan.



Tandatangan

SABARINA BINTI ABDULLAH
Timbalan Bendahari Kanan
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Cap Jawatan